

MAHATHIR ORANG PALING SUSAH — GHAFAR

UM 16 FEB 1987

KUALA LUMPUR 15 Feb. —

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad merupakan orang paling susah di negara ini, dan bukannya orang yang paling kaya seperti yang disangkakan oleh segolongan besar rakyat, kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.

Katanya, walaupun Datuk Sri Dr. Mahathir mempunyai kereta Mercedes, rumah yang besar dan pengawal - pengawal peribadi, tetapi beliau pada hakikatnya adalah orang yang paling susah. "Datuk Sri Dr. Mahathir susah memikirkan masalah rakyat, menyelesaikannya dan berhadapan pula dengan seribu satu masalah yang melibatkan masa depan negara," ujar beliau ketika berucap merasmikan mesyuarat UMNO cawangan Kampung Delima di sini pagi ini.

Kata Encik Ghafar, Perdana Menteri mula bekerja dari jam 7.30 pagi hingga 7.00 malam di pejabatnya memikirkan masalah negara dan rakyat. Selepas itu terpaksa pula memenuhi jemputan - jemputan untuk beramah mesra dengan rakyat.

"Bukan senang kerja sebagai Perdana Menteri. Kadangkala dalam tidur pun terpaksa memikirkan masalah," katanya. Encik Ghafar memberitahu, beliau telah hampir 35 tahun berada dalam UMNO dan matlamat perjuangannya dalam parti ialah untuk kemudahan

dan kesenangan rakyat. Beliau memberitahu, terdapat ahli - ahli UMNO yang menyertai parti mengadakan 'deadline' bagi mereka memegang jawatan tertentu dalam sesuatu tempoh dan apabila cita - citanya tidak tercapai, akan wujudlah perasaan dengki dan tidak puashati.

UMNO, tegas Encik Ghafar, perlu dikukuhkan dan kalau boleh usianya dipertahankan sehingga hari kiamat. Sambil berseloroh beliau berkata, pada tahun 1511, Portugis dengan hanya menggunakan sebuah kapal yang mungkin membawa 200 askar berjaya menawan Melaka.

Hasrat

"Mungkin perkara ini tidak berlaku jika UMNO ditubuhkan pada tahun berkenaan kerana UMNO akan menyatupadukan rakyat menentang Portugis," katanya.

Encik Ghafar mengulangi kenyataan - kenyataan yang menyatakan bahawa kerajaan dikendalikan mengikut kehendak dan hasrat parti.

"Saya puas hati kerana kerajaan menjalankan kerja - kerja mengikut kehendak parti dan rakyat. Partilah yang menguasai kerajaan," katanya. Menurut Timbalan Perdana Menteri, pemimpin - pemimpin mesti mengikut kehendak rakyat kerana mereka dipilih dan disokong oleh rakyat. Beliau juga menasihatkan mereka yang telah dipilih supaya tidak mendabik dada kerana pemimpin itu tidak akan kekal. Mereka akan bertukar ganti.